



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOTIF DAN MAKNA UKIRAN LEPA DALAM MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA

AISA BINTI ABD HALIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

MOTIF DAN MAKNA UKIRAN LEPA DALAM MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA

AISA BINTI ABD HALIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) September (bulan) 2018.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **AISA BINTI ABD HALIM, M20121000902 FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **MOTIF DAN MAKNA UKIRAN LEPA DALAM MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar



Saya, **DR. MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **MOTIF DAN MAKNA UKIRAN LEPA DALAM MASYARAKAT BAJAU SEMPORNA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi mod A syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"**

Tajuk / Title: :Motif dan Makna Ukiran Lepa Dalam Masyarakat Bajau Semporna

No. Matrik / Matric's No.: M20121000902
Saya / I : Aisa Binti Abd Halim

mengaku membenarkan tesis(Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Bersyukur kehadrat Ilahi kerana memberikan peluang untuk saya meneruskan kehidupan di bumi ini dan seterusnya menyiapkan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada penaja tajaan saya iaitu Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah meluluskan cuti belajar saya secara sepenuh masa bagi menyambung pelajaran ke peringkat sarjana kali ini.

Terima kasih juga kepada keluarga saya terutama ibu saya MANCI BINTI LAPARE yang memahami dan memberikan sepenuh sokongan dari segi tenaga, masa dan sokongan moral untuk saya meneruskan pengajian. Tidak dilupakan buat pensyarah penyelia saya DR MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI yang banyak memberikan semangat dan tunjuk ajar serta memahami tugas saya sebagai pendidik yang terlalu banyak kekangan masa untuk menyiapkan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Tanpa bimbingan beliau saya mungkin tidak dapat menyelesaikan pengajian ini.

Seterusnya ucapan terima kasih saya tujuan khas kepada tokoh-tokoh pengukir lepa seperti Hj Biskai dan keluarga, Haji Bukhara dan keluarga, Haji Musari dan keluarga, Cikgu Sharin Saidin dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah menjadi sumber inspirasi saya untuk menjalankan kajian ini. Kerjasama yang diberikan oleh para pengukir lepa ini sangat baik dalam membantu saya untuk menyelesaikan penyelidikan ini.

Juga terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dalam program master dan PhD seni sesi 2012-2013 yang sering memberi sokongan dan bantuan kepada kumpulan dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Semoga ikatan ukhwah antara kita akan berkekalan selamanya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan motif dan makna disebalik seni ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna Sabah yang kurang diberi penekanan dan diketengahkan kepada umum khususnya generasi muda. Pengkajian juga menyelidik aspek budaya setempat yang mempengaruhi makna disebalik motif yang terhasil pada sebuah ukiran lepa. Kajian ini juga menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan mengguna pakai kaedah temubual, pemerhatian, rakaman foto, video dalam menyelesaikan penyelidikan. Secara keseluruhannya didapati kajian ini telah menemukan penyelidik dengan motif-motif yang sinonim dengan ukiran lepa serta makna disebalik ukiran tersebut yang banyak berkait rapat dengan alam dan kehidupan sehari-hari masyarakat Bajau Semporna. Ia menjadi salah satu cara seorang pengukir lepa untuk mengekspresikan kewujudan mereka kepada dunia luar yang mana ia banyak bergantung dengan latar belakang kehidupan mereka sebagai nelayan dan juga sebagai pelaut handalan. Kesimpulannya, masyarakat Bajau Semporna mempunyai falsafah seni ukir mereka tersendiri dalam menghasilkan motif pada ukiran mereka. Implikasi kajian ini mendedahkan masyarakat luar tentang penemuan beberapa motif dan makna disebalik ukiran lepa masyarakat Bajau dan setiap satu motif yang dihasilkan tersebut mempunyai makna tersendiri.



MOTIF AND MEANING OF LEPA CARVING IN THE SOCIETY OF BAJAU SEMPORNA

ABSTRACT

The purpose of this study is to highlight the motif and meaning behind the art of engraving file, carving Semporna of Sabah Bajau are less emphasized and highlighted to the public, especially to the young generation. It is also researching local culture aspect that influence the meaning behind the motifs generated at a *lepa* carving. This study uses qualitative research methods and applying method of review, observation, photos and videos recording. As a whole, this study has found the motifs and meaning in *lepa* carving, are closely linked to nature and daily lives of Bajau Semporna. The *lepa* carvers may express their existence to the outside world which hinge with their background as a fishermen and seafarer. In conclusion, the Bajau Semporna has their own philosophy of art engraving file and become the foundation in the production of the motifs. The implication of this study reveals the findings about rural motifs and meanings behind the carving, *lepa* Bajau anda each motif produced the distinctive meanings.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN iii

PENGHARGAAN v

ABSTRAK v

ABSTRAC vii

KANDUNGAN ix

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xv

SENARAI GAMBAR xvi

SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH xxiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Tujuan kajian	7



1.5 Objektif kajian	8
1.6 Persoalan kajian	8
1.7 Kepentingan kajian/rasional	9
1.8 Definisi operasional	11
1.9 Batasan Kajian	21
1.10 Kerangka Teori	22
1.11 Kesimpulan	31



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	33
2.1 Kerangka Teori	41
2.2 Stuktur Lepa	47
2.3 Sejarah Lepa	54
2.4 Revolusi Lepa	59
2.5 Ukiran Dalam Masyarakat Bajau Semporna	67
2.6 Kesimpulan	74





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	75
3.2 Pendekatan Kajian	77
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	78
3.4 Pemerhatian	78
3.5 Temu bual	80
3.6 Sumber Dokumen	82
3.7 Rakaman Visual Gambar	83
3.8 Matrik Pengumpuan Data	84
3.9 Kaedah Penganalisisan Data	86
3.10 Kaedah Verifikasi Data	86
3.11 Kaedah Tringulasi Data	87
3.12 Kaedah Pemindahan Data	88
3.13 Penggantungan Data	89
3.14 Interpretasi Data	89
3.15 Kesimpulan	91



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	93
4.2 Peralatan Mengukir	96
4.3 Ragam Hias Lepa	107
4.4 Falsafah dan Makna	129
4.5 Kesimpulan	148

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	151
5.2 Cadangan	156

RUJUKAN**LAMPIRAN**



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Metrik pengumpulan data	105
1.2 Pecahan pengukir lepa sekitar Semporna	121
1.3 Pecahan peralatan membuat lepa	122





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Teori Keindahan oleh JJ Wickelmann	26
1.2 Teori Interaksionisme Simbolik Cassier	29
1.3 Model kerangka kajian Motif dan Makna Ukiran Lepa Dalam Masyarakat Bajau Semporna	30
1.5 Carta alir proses penyelidikan “kajian Motif dan Makna Ukiran Lepa Dalam Masyarakat Bajau Semporna	91





SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
1.1 Perarakan lepa cantik semasa regata lepa	3
2.1 Cat pada lepa Semporna menggunakan satu warna	54
2.2 Kerangka utama lepa	55
2.3. Bahagian <i>panansaan</i>	55
2.4 Bahagian <i>panansaan</i>	56
2.5 Bahagian <i>pakajangan</i> mengikut lepa sebenar	57
2.6 Bahagian <i>pakajangan</i> mengikut lepa sebenar	57
2.7 Kedudukan bahagian <i>pemalung</i> pada lepa	58
2.8 Kedudukan bahagian <i>pemalung</i>	59
2.9 Tingkat satah lepa	59
2.10 <i>Kora-kora</i> dan <i>barangayan</i>	64
2.11 <i>Kora-kora</i> dan <i>barangayan</i>	64
2.12 <i>Boggo</i> kecil	66
2.13 <i>Lepa-lepa</i> saiz kecil	67
2.14 <i>Lepa sappit bulu kumun</i>	69
2.15 <i>Lepa sappit biruk</i>	69
2.16 Antara lepa yang telah siap dihias dengan <i>sambulayang</i> dan siap untuk dinilai oleh pengadil semasa pertandingan	71
2.17. Kedudukan <i>sambulayang</i> , <i>tipis-tipis</i> dan <i>salingguru</i> pada sebuah lepa	72
2.18 Ukiran pada pintu rumah di Pulau Bum-Bum	74





2.19. Ukiran pada pintu rumah di Pulau Bum-Bum	75
2.10. Ukiran pada pintu rumah di Pulau Omadal	75
2.21. Ukiran pada rumah Haji Biskai	76
2.22. Ukiran pada pintu di Pulau Omadal	76
2.23. Ukiran pada bumbung rumah Haji Biskai yang dihasilkan sendiri mempunyai ciri-ciri ukiran pada <i>sambulayang</i> lepa	77
2.24. Ukiran pada bumbung rumah Haji Biskai yang dibuat seperti <i>sambulayang</i> lepa	77
2.25. Ukiran pada <i>sunduk</i> yang diperbuat daripada simen	79
2.26. Ukiran pada <i>sunduk</i> yang diperbuat daripada kayu	79
2.27. <i>Sosokan</i>	80
4.1. <i>Patuk masakal</i>	123
4.2. <i>Pisau lahut</i>	123
4.3. <i>Kakal pahat</i>	124
4.4. <i>Sangat</i>	124
4.5. <i>Kakal pembelah</i> dan <i>kakal kecil</i>	125
4.6. <i>Penghapit</i>	125
4.7. <i>Janok</i>	126
4.8. <i>Pahat</i>	126
4.9. <i>Ketam kayu</i>	127
4.10. <i>Tukul kuku kambing</i>	127
4.11. <i>Gergaji</i>	127





4.13	Sesiku L	128
4.14	Pensel penanda	128
4.15	Gerudi tangan	128
4.16	Apit G	129
4.17	Apit G	130
4.18	Mesin gerudi	136
4.19	<i>Sallap</i>	136
4.20	<i>Ukilan kalolo buta</i> (berulang-ulang)	136
4.21	<i>Ukilan kalolo buta</i> (berulang-ulang)	136
4.22	<i>Ukilan sallap lanas</i>	137
4.23	<i>Ukilan sallap lanas</i>	137
4.24	Ukirana <i>selampik</i>	138
4.25	Ukirana <i>kapi-kapi</i>	138
4.26	<i>Sallap</i>	139
4.27	Ukirana <i>sallap</i>	139
4.28	Ukirana <i>sallap</i>	140
4.29	Ukirana <i>sallap</i>	140
4.30	<i>Kavan-kavan buddie</i>	142
4.31	<i>Sempaka</i>	142
4.32	<i>Sempaka</i>	143
4.33	Ukirana separuh bulat <i>roti kalung</i>	143
4.34	Ukirana akar	144





4.35	Motif geometri	144		
4.36	Motif geometri	144		
4.37	<i>Roti kalung</i> (separa bulat)	144		
4.38	Ukiran bunga <i>sempaka</i>	145		
4.39	Ukiran pucuk rebung	145		
4.40	Motif pucuk rebung	145		
4.41	Ukiran <i>saam</i>	146		
4.42	<i>Kembang tuli</i>	146		
4.43	Motif jala	147		
4.44	Ukiran <i>unas</i>	147		
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
4.45	Gambar burung merak pada <i>sambulayang</i>	149		
4.46	Gambar figura manusia pada <i>junggal lepa</i>	149		
4.47	<i>Pelle</i> (naga)	149		
4.48	<i>Kima-kima</i>	150		
4.49	<i>Buani-buani</i>	150		
4.50	<i>Buani-buani</i>	150		
4.51	<i>Buani</i>	151		
4.52	<i>Pelleh</i> (naga)	151		
4.53	Ukiran <i>kel loh</i> (<i>daing-daing</i>)	152		
4.54	Ukiran <i>kel loh</i> (bangau)	152		
4.55	Tingkat satah lepa	155		
4.56	Motif bunga <i>sempaka</i> @ cempaka	155		





4.57	Motif bunga <i>kembang tuli</i>	157
4.58	Motif <i>kavan-kavan buddie</i>	158
4.59	Motif burung merak	160
4.60	Motif helang pada puncak <i>sambulayang</i>	160
4.61	Motif naga pada <i>junggal lepa</i>	163
4.62	Motif naga pada <i>junggal lepa</i>	164
4.63	Motif ombak pecah	165
4.64	Motif yang pecah	165
4.65	Motif yang pecah	166
4.66	Motif yang pecah	166
4.67	Corak jala-jala	167
4.68	<i>Panalva</i> dilakukan di atas lepa	169
4.69	Motif figura manusia pada <i>pelle lepa</i>	171
14.70	Motif <i>kima-kima</i>	172





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xix

SENARAI ISTILAH

Palau'	Masyarakat Bajau Laut
Sempaka	Bunga cempaka
Sallap	Berulang-ulang
Lepa	Perahu
Sunduk	Batu nisan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Seni ukiran merupakan salah satu subjek yang dipelajari di sekolah menengah di bawah tajuk kajian kraf iaitu ukiran. Kraf ukiran kayu sememangnya terkenal di negara kita. Selain negeri Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang yang sememangnya merupakan pusat seni lukis yang terkenal di negara kita, Sabah juga memiliki seni ukir yang patut di ketengahkan kepada masyarakat umum. Seni ukir lepa masyarakat Bajau Semporna merupakan salah satu daripada warisan yang selama ini kurang diketengahkan kepada masyarakat luar. Kekurangan bahan rujukan berkaitan dengan seni ukir ini telah menyebabkan pendedahannya tidak berlaku. Seharusnya seni



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dengan seni ukir ini telah menyebabkan pendedahannya tidak berlaku. Seharusnya seni tradisi masyarakat Sabah dan Sarawak yang sebenarnya sangat banyak yang belum dikenali juga perlu diketengahkan untuk menjamin kesinambungannya dalam generasi mendatang khususnya golongan pelajar sekolah.

Kekayaan seni kraf negara sepatutnya dirancakkan lagi dari semasa ke semasa dengan penemuan pelbagai seni kraf tradisional masyarakat tempatan. Lepa merupakan salah satu seni kraf tradisional tersebut. Ia merupakan warisan khazanah masyarakat Bajau Semporna yang telah diwarisi dari nenek moyang mereka sejak zaman berzaman(Ibrahim, Aminullah, Jusilin, Bebit, & Sahibil, 2013). Keindahan lepa masyarakat Bajau Semporna ini diperlihatkan melalui penghasilan ukiran pada keseluruhan permukaan lepa. Keunikannya ukiran tersebut menjadi tarikan kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Seni ukiran yang dihasilkan ini mempunyai nilai-nilai estetika tersendiri yang diungkapkan oleh para tukang ukir melalui motif-motif yang pelbagai. Motif-motif yang dihasilkan oleh para pengukir ini banyak melambangkan kehidupan masyarakat Bajau Semporna. Ia melambangkan budaya tradisi masyarakat yang banyak bergantung pada alam dalam mencari rezeki terutama lautan.

Motif-motif yang dihasilkan terdiri daripada motif flora dan fauna di samping itu terdapat juga motif-motif kosmo yang dapat kita perhatikan. Motif-motif diolah sehingga mampu dijelmakan pada ukiran. Ia melambangkan kreativiti serta imaginasi para



pengukir untuk menghasilkan seni bagi memenuhi kepuasan estetik mereka. Penghasilan ukiran lepa yang bermutu tinggi dengan motif yang mengandungi nilai falsafah dan simbolik di sebaliknya mencerminkan ketinggian budaya masyarakat yang menghasilkannya.

Keadaan ini jelas di buktikan oleh Badlock, 1983; Boas, 1995; Read, 1967;`970: dalam Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000 menyatakan bahawa

“berdasarkan kajian antara budaya dan prasejarah dalam pelbagai ragam kebudayaan, terdapat bukti-bukti bahawa tiada kebudayaan yang pernah kita kenali yang tidak memaparkan bentuk-bentuk ekspresi estetik di dalamnya. Jelaslah, di tengah-tengah keperluan asas dalam kehidupan yang begitu sederhana, manusia senantiasa mencari peluang untuk memenuhi hasrat mengungkapkan dan memanfaatkan keindahan”.



Gambar 1.1. Perarakan Lepa Cantik Semasa Regata Lepa Semporna . Sumber: koleksi penyelidik

1.2 Latar Belakang Kajian

Negara kita sememangnya kaya dengan kepelbagaian seni dan warisan bangsa. Bertepatan dengan keadaan Malaysia yang memiliki kepelbagaian kaum, sehubungan itu maka muncullah pelbagai seni warisan yang diwarisi sejak zaman berzaman. Seni kraf merupakan salah satu seni warisan tradisi yang diangkat martabatnya sehingga ke peringkat antarabangsa. Antara seni kraf tersebut, seni ukiran merupakan salah satu yang mengangkat nama Malaysia hingga ke persada antarabangsa.

Terdapat pelbagai jenis ukiran kraf yang telah dipelajari di sekolah antaranya, ukiran di rumah, pintu gerbang, bangunan, masjid, istana raja, surau, alat-alat permainan, alat-alat muzik, alat-alat senjata, alat-alat memasak, perahu tradisional dan pada kenderaan lain seperti kereta kuda, pedati, dan kereta lembu. Bertepatan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan khusus Pendidikan Kesenian iaitu:

“program kesenian dilaksanakan untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang kaya dengan warisan budaya dan kesenian yang luhur dan beridentiti. Serta memastikan peluang pendidikan kesenian disediakan kepada semua murid ke arah melahirkan insan pewaris budaya bangsa” (Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan : 32)

Namun, pengkajian terhadap ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna masih kurang berbanding dengan ukiran masyarakat lain di Malaysia. Kajian tentang masyarakat Bajau setakat ini banyak berkaitan tentang suku laut di Kepulauan Asia Tenggara. Contoh seperti kajian dan penulisan buku oleh David E. Sopher (1965) dalam buku yang bertajuk *The Sea Nomads :A Study Based On Literature of Maritime Boat*



People of Southeast Asia dan buku *The Sea Nomads*. Serta kajian oleh Ismail Ali (2011) berkaitan dengan sejarah pembudayaan lepa dan kesenian Bajau dalam buku Sejarah, “Kebudayaan dan Kesenian Kaum Bajau Semporna”, di samping beberapa kajian lain yang hanya menyentuh tentang sejarah masyarakat Bajau seperti dalam buku Yap Beng Liang (1993)“Orang Bajau Pulau Omadal”, buku Julasri Hajad (2007) “Tausug dan Kesultanan Sulu” dan Helina Sendera Mohd Yakin (2007) dalam buku “Identiti Budaya Etnik Palau’ di Semporna, Sabah: konservensi, adaptasi dan transformasi budaya”.

Setakat ini, kajian menyeluruh yang menyentuh tentang seni kraf iaitu ukiran lepa tradisional masyarakat Bajau masih lagi kurang didedahkan kepada masyarakat sama ada di dalam ataupun di luar negara. Oleh yang demikian, pengkajian ini akan mengkaji tentang keunikan kraf ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna sebagai satu cara untuk kesinambungan sosio budaya masyarakat Bajau dengan penelitian pada fungsi dan nilai-nilai estetika yang terdapat pada motif-motif ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna.

Lepa bagi masyarakat Bajau Semporna mempunyai fungsi yang pelbagai. Di samping sebagai pengangkutan, ia juga merupakan rumah bagi masyarakat Bajau Laut. Keunikan ini menjadi identiti bagi masyarakat Bajau yang sememangnya terkenal dengan kehidupan di laut. Sungguhpun Terengganu dan Kelantan memiliki perahu berukir sama seperti lepa masyarakat Bajau Semporna, namun terdapat perbezaan yang ketara dari segi corak dan juga makna di sebalik penghasilan ukiran pada kedua-dua perahu ini. Penyelidikan mendalam berkaitan motif-motif dan fungsi lepa bagi masyarakat Bajau



perlu di ketengahkan kepada umum bagi kelangsungan perkembangan tradisi budaya kebangsaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Negara kita sememangnya kaya dengan seni warisan bangsa. Salah satu seni tersebut ialah seni ukiran kraf tradisional. Bagi merancakkan dunia seni kraf tanah air, terdapat satu lagi seni kraf tradisional suku kaum terbesar di Sabah iaitu suku kaum Bajau yang boleh diketengahkan kepada khalayak umum bagi memastikan kesinambungan seni warisan ini. Seni ukir lepa masyarakat Bajau Semporna, merupakan salah satu warisan tradisi di negara. Namun, ia kurang dikenali kewujudannya oleh masyarakat umum khususnya generasi muda iaitu golongan pelajar sekolah. Oleh sebab itu pendedahan berkaitan seni ukiran lepa masyarakat Bajau ini perlu dilakukan agar ia tidak pupus di telan zaman.

Selain daripada itu, masalah kekurangan rujukan berkaitan ukiran lepa juga merupakan masalah yang dapat dikenal pasti. Pendokumentasian dan rekod sebagai rujukan berkenaan ukiran lepa sukar diperoleh; keadaan ini mengakibatkan maklumat tentang ukiran pada lepa ini tidak terdedah kepada masyarakat umum. Ianya tidak diterbitkan menyebabkan orang ramai kurang tahu kewujudannya. Masyarakat tempatan juga kurang arif berkenaan ukiran ini hanya tukang ukir dan pembuat lepa sahaja yang mengetahui motif dan makna ukiran pada lepa yang mereka hasilkan. Masalah seterusnya



ialah tidak ramai yang mengetahui tempat lepa dihasilkan terutamanya generasi muda. Hal ini disebabkan generasi muda masa kini kurang berminat untuk mengetahuinya dan jika ianya berlarutan akan menyebabkan ianya akan pupus kelak. Melalui kajian ini, pendedahan berkenaan tempat penghasilan lepa serta tokoh-tokoh yang terlibat dengan penghasilan lepa akan diketengahkan. Sehubungan dengan itu, pihak-pihak yang berminat dengan pembikinan, dan pembelian lepa dapat mengetahui tempat yang sesuai untuk mereka mendapatkan dan secara tidak langsung ia dapat meneruskan kesinambungan warisan khazanah tempatan

1.4 Matlamat Kajian



1.4.1 Kajian ini diharapkan diterima sebagai khazanah seni yang berharga yang perlu

dikenali, dipertahankan sebagai satu warisan kesenian tradisi negara yang akan dipelajari di sekolah menengah

1.4.2 Kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan motif-motif seni ukiran masyarakat

Bajau kepada masyarakat umum khususnya kepada pelajar sekolah.

1.4.3 Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan maklumat berkaitan dengan

motif-motif ukiran dan fungsi lepa dalam konteks masyarakat Bajau Semporna di Sabah.





1.5 Objektif Kajian

Penerokaan motif ukiran dan fungsi lepa dalam masyarakat Bajau Semporna dari sudut estetika ini mempunyai beberapa objektif yang perlu dicapai antaranya

1.5.1 Mengkaji motif-motif dan ragam hias ukiran pada lepa masyarakat Bajau Semporna.

1.5.2 Mengenal pasti fungsi ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna

1.5.3 Menjelaskan kepentingan motif-motif dan makna ukiran lepa dalam masyarakat



1.5.4 Menjelaskan kepentingan seni ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna.

1.6 Persoalan Kajian

1.6.1 Apakah bentuk-bentuk motif dan ragam hias yang terdapat pada ukiran lepa masyarakat Bajau Semporna?

1.6.2 Bagaimanakah fungsi ukiran lepa dalam masyarakat Bajau Semporna?





1.6.3 Bagaimanakah bentuk motif dan makna ukiran lepa pada masyarakat Bajau Semporna di Sabah?

1.7 Kepentingan Kajian / Rasional

Generasi muda terutamanya golongan pelajar perlu didedahkan dengan warisan ini, terutama sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah, dengan memasukkannya ke dalam salah satu subtajuk di bawah kraf dalam pendidikan seni visual di sekolah, ia dapat memastikan kesinambungan warisan ini berterusan dikenali generasi muda mendatang. Ia bagi memastikan pelajar-pelajar tahu kewujudannya dan berbangga dengan warisan



Bersesuaian dengan tajuk kajian ini yang melibatkan kajian kraf iaitu ukiran, diharap kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para pelajar di sekolah, memandangkan kraf merupakan salah satu subtajuk yang akan dipelajari di sekolah. Secara tidak langsung kesinambungan salah satu warisan kraf negara dapat dipertahankan melalui pengenalannya ke peringkat pendidikan formal seterusnya ke peringkat pengajian tinggi.

Ukiran ini adalah sebagai landasan untuk memberi maklumat kepada para penyelidik di peringkat yang lebih tinggi berkaitan dengan motif dan nilai estetika serta fungsi kraf ukiran lepa bagi masyarakat Bajau Semporna. Ia juga satu langkah untuk





memperkenalkan seni kraf ukiran tempatan di peringkat universiti dan juga antarabangsa. Secara tidak langsung ia akan membawa kepada kelangsungan seni kraf tempatan ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian ini juga dapat memberikan maklumat langsung kepada masyarakat lain di Malaysia tentang seni penghasilan kraf ukiran pada lepa Semporna yang semakin berkurangan dan terpinggir akibat perubahan arus kemodenan.

Selain itu kajian ini diharap dapat membawa perubahan pada persepsi masyarakat tentang kepentingan memelihara seni kraf ini sebagai satu warisan budaya bangsa. Serta mengetengahkan dan memartabatkan seni kraf ukiran lepa Semporna setanding dengan kraf-kraf lain di Malaysia. Bukan itu sahaja kajian ini juga diharap akan memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Malaysia tentang seni ukiran tempatan dan menaikkan semula minta masyarakat pada seni ukiran lepa yang semakin terpinggir di kalangan generasi muda.

Penggiat budaya tempatan juga boleh memanfaatkan hasil penyelidikan ini sebagai rujukan mereka di samping berusaha untuk memelihara kesinambungan warisan ini agar ia terus berkekalan untuk diwariskan kepada generasi mendatang. Pendokumentasian kajian ini diharap menjadi langkah awal sebagai bahan rujukan untuk semua golongan bagi mempelbagaikan seni tradisi negara.

Selain itu, kajian ini juga diharap mampu dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan yang bukan hanya pada pesta air (regata Lepa) sahaja tetapi dijadikan sebagai salah satu pengangkutan pelancongan di Semporna bagi menarik lebih banyak





pelancong ke Semporna dengan merasai sendiri keunikan lepa tersebut dengan menaikinya. Secara tidak langsung ia akan dapat memastikan kesinambungan perkembangan warisan kraf tradisi terus terpelihara dan berterusan.

Seterusnya, tidak ramai yang berkemahiran dalam membuat ukiran pada lepa. Pembuat lepa hanya membuat ukiran pada perahu sekiranya ada permintaan sahaja jikalau tidak ada permintaan ianya tidak dihasilkan. Keadaan ini boleh menyebabkan kesinambungan ukiran lepa akan pupus. Oleh yang demikian, penyelidikan ini perlu diketengahkan kepada kementerian Pelajaran Malaysia agar kraf tradisional masyarakat Bajau ini dapat dimasukkan dalam kurikulum pendidikan seni visual. Penyelidikan ini juga boleh juga digunakan oleh guru-guru seni visual untuk mengajar lebih banyak jenis



1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Ukiran

Syed Ahmad Jamal (1992) menyatakan bahawa ukiran ialah hasil seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Terdapat dua faktor yang menyebab keadaan sedemikian berlaku iaitu, pertama, keadaan alam semula jadi yang kaya dengan kayu yang digunakan sebagai bahan binaan, alat, perahu, senjata dan hiasan; kedua, kekayaan tumbuh-tumbuhan yang memberi ilham kepada pencipta untuk mewujudkan jenis-jenis bentuk dan motif ukiran





kayu. Keadaan ini juga dibantu oleh daya cipta yang sihat, kemahiran pertukangan, cita rasa yang tinggi dan pendukungnya yang berterusan (Syed Ahmad Jamal, 1992: 51).

Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah (2001) pula menyatakan bahawa ukiran kayu pula adalah salah satu hasil seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Ia merupakan satu seni menyobek permukaan papan atau bongkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif. Biasanya terdapat lima jenis motif yang diterapkan pada kayu, iaitu, flora, fauna, kosmos, geometri dan khat. Menurut beliau lagi, proses penyobekan adalah satu manifestasi ilham tukang ukir kepada jisim yang nyata. Manifestasi ini berbentuk abstrak atau simbolik seperti daun atau bunga flora yang dibentuk sama ada secara tebus tembus atau tebus timbul. Kebiasaannya bentuk yang diukir selalunya tidak menyerupai objek flora secara langsung tetapi diolah dalam bentuk simbolik agar menyerupai objek tersebut. (Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001:1).

Seni ukiran yang menjadi fokus pada pengkajian ini ialah seni mengukir permukaan kayu bagi menampakkan motif dan corak pada permukaan lepa. Para pengukir lepa mempunyai cara tersendiri dalam membina sebuah lepa. Ia terdiri daripada lima tingkat keseluruhannya. Tingkat yang memiliki ukiran dan dekorasi ialah pada tingkat keempat dan kelima.





1.8.2 Lepa

Maksud Lepa dalam bahasa kaum Bajau Pantai Timur Sabah di daerah Semporna adalah merujuk kepada perahu. Terdapat pelbagai jenis dan reka bentuk perahu yang telah dihasilkan oleh suku kaum Bajau di Semporna seperti *biruk*, *sapit*, *boggo (katig)*, *lepa* dan *kumpit*. Asalnya, nama lepa diambil daripada perkataan Bajau yang mendiami Pulau Timbun Mata iaitu *paleh tinampah*. (Ismail Ali dan Darwis Awang, 2011: 61)

Lepa selalunya diperbuat daripada kayu jenis *Ubar Suluk*, ataupun *Seraya Merah* dan merupakan peninggalan budaya yang diwarisi sejak zaman-berzaman oleh suku kaum Bajau Semporna. Kewujudan lepa dipercayai telah bermula semenjak kaum pedagang dan pendakwah agama Islam datang dan menetap di kepulauan sekitar pesisiran pantai daerah Semporna. Walaupun ia telah lama wujud, namun ia lebih dikenali setelah kawasan “Tong Talun” diisytiharkan sebagai daerah Semporna pada awal kurun ke20. (Regata Lepa XIII, 2006: 24)

1.8.3 Masyarakat Bajau

Masyarakat Bajau merupakan salah satu masyarakat bumiputera yang kedua terbesar di Sabah, tetapi amat sedikit dikenali masyarakat-masyarakat lain, baik di Sabah maupun di tempat-tempat lain di Malaysia. Perkara ini sebahagian besarnya disebabkan amat sedikit kajian yang telah dilakukan tentang masyarakat Bajau.



Pada asalnya, masyarakat Bajau terbahagi kepada dua kelompok yang utama iaitu Bajau Darat dan Bajau Laut. Nama ini adalah merujuk kepada gambaran mengenai penempatan mereka. Bajau Darat terkenal kerana kehandalan mereka menunggang kuda. Manakala Bajau Laut yang berumah di laut menjadikan kegiatan menangkap ikan sebagai mata pencarian mereka. Orang Bajau juga terdapat di Kepulauan timur Indonesia dan selatan Filipina (Mat Zin Mat Kib, 2005: 7)

Masyarakat Bajau adalah satu kelompok Melayu Proto yang bersifat *maritime* atau mempunyai hubungan yang rapat dengan laut. (I.H.N. Evans dalam Yap Beng Liang, 1993; 1). D.E Sopher dalam Yap Beng Liang 1993; 1, mengklasifikasikan masyarakat bajau sebagai salah satu kelompok *nomadic seafolks* atau *boat nomads*. Kelompok-kelompok lain yang mempunyai banyak persamaan dengan orang Bajau dan turut dianggap sebagai nomad laut ialah orang Mawken atau Selung yang terdapat di kepulauan Mergui serta beberapa kelompok lain yang dikenali dengan pelbagai nama dan terdapat di Kepulauan Riau-Lingga, kawasan pantai Sumatera, pulau-pulau Bangka dan Biliton dan Pulau Tujuh di daerah Laut China Selatan. Semua kelompok nomad tersebut, menurut Sopher (1965:51) lagi di kalangan penulis-penulis Inggeris, mereka sering digelar “sea gypsies” dan di kalangan oleh penulis-penulis Jerman dan Belanda pula mereka dikenali sebagai “sea nomads”. Namun begitu, Kedua-dua istilah “sea gypsies” dan “sea nomads” mempunyai makna yang sama dan merujuk kepada kelompok manusia yang suka mengembara di laut, sering berpindah-pindah dan tinggal menetap pada sesuatu kawasan. Kehidupan mereka banyak bergantung pada hasil sumber-sumber laut.

Sopher dalam Yap Beng Liang (2001: 7) berpendapat bahawa semua kelompok “boat people of the sea” tersebut pada asalnya mempunyai satu budaya yang sama, iaitu “they belong to one original cultural stock”. Kebudayaan asal mereka adalah jenis yang primitif dari segi sosial dan teknologi. Terdapat banyak ciri persamaan yang dapat dikenali antara mereka misalnya kecenderungan untuk menjadi penghuni-penghuni perahu (boat dwellers) dan ini sangat berkait rapat dengan ekonomi mereka yang mengutamakan pengumpulan hasil-hasil laut, pulau-pulau menjadi tempat kediaman yang amat digemari kerana memudahkan mereka memperoleh hasil laut sebagai mata pencarian, dan mereka juga merasa selamat kerana tinggal jauh daripada orang lain yang mungkin lebih kuat dan agresif, keahlian membina dan mengendalikan perahu serta mengumpul hasil laut, penggunaan teknik-teknik yang agak primitif dan tidak banyak jenisnya dalam pengumpulan hasil-hasil laut dan akibatnya mereka biasanya bukan nelayan komersial, kemiskinan dari segi kebendaan, bentuk rupa mereka juga mempunyai ciri-ciri kemelayuan atau “palaeomongoloid” dan ciri-ciri Veddid, dan mereka juga kurang terlibat dalam bidang pertanian.

Selain daripada itu, Bajau juga dipanggil Sama atau Samal. Bajau dan samal atau sama adalah berasal daripada Bahasa Melayu sendiri iaitu “berjauh” dan “sama-sama”. (Julasri Hajad, 2007; 30). Orang laut yang asal ialah orang Pala’o. Hidup dan mati mereka adalah dalam perahu lepa-lepa mereka di laut yang sudah tentunya berjauhan dengan daratan, sebab itulah mereka digelar “berjauh” atau Bajau. Orang laut juga bergerak dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain secara nomad dengan bersama-sama. Sehinggalah ketika mereka mengiringi ulamak Ahlul-Bait ke Sulu dan Mindanao



mereka tetap bersama-sama. Oleh sebab itulah orang Bajau mendapat gelaran Sama atau dalam pelat orang Tausug mereka dipanggil “Samal”.

Orang Bajau Sabah sebenarnya menggunakan nama “Sama” atau “a’ a Sama” (orang Sama) dan bukan nama Bajau. Bajau adalah nama yang diberikan kepada mereka oleh orang asing. (Sather dalam Yap Beng Liang, 2001: 9). Penyelidik akan menggunakan nama Bajau Semporna bagi menjelaskan suku kaum “Sama” dalam kajian ini. Hal ini disebabkan masyarakat lebih mengenali kaum ini dengan nama Bajau berbanding dengan nama “Sama”.

Orang Bajau Pantai Barat dikenali sebagai Bajau Darat dan orang Bajau Pantai Timur dipanggil Bajau Laut. Pengklasifikasian ini wujud hasil daripada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji dan telah diterima pakai oleh kerajaan bertujuan memudahkan masyarakat luar dan masyarakat Sabah sendiri membezakan kelompok-kelompok etnik terbabit. Hal ini kerana berdasarkan dapatan-dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum ini, terdapat perbezaan yang ketara di antara Bajau Darat dan Bajau Laut contohnya dari segi ciri-ciri fizikal dan keperibadian, bahasa, corak kehidupan serta adat istiadat walaupun kedua-duanya dikenali sebagai Bajau. (Helina Sendera Mohd Yakin, 2007: 5).

Pengkajian yang dilakukan akan melibatkan masyarakat Bajau Pantai Timur yang dikenali sebagai Bajau Laut. Sebenarnya terdapat sedikit kekeliruan berhubung dengan



istilah Bajau Laut atau ‘Palau’ dan Bajau Darat khususnya dalam konteks daerah Semporna. Realitinya majoriti daripada populasi Bajau di daerah Semporna terdiri daripada bangsa Bajau Darat yang telah lama menerima perubahan dan kemodenan dalam corak hidup mereka. Masyarakat Bajau Laut merupakan golongan minoriti di daerah Semporna dan mereka di gelar sebagai ‘Palau’ bagi membezakan mereka dengan masyarakat Bajau Semporna lain. (Helina Sendera Mohd Yakin, 2007: 6).

1.8.4 Semporna

Kajian yang ini akan dijalankan di sekitar Semporna khususnya Kampung Kabimbangan dan Kg Nusalalung di Pulau Bum-Bum dan juga Kg Tanggulangan di Tanah Besar Semporna. Semporna merupakan sebuah daerah yang terletak di bahagian Tawau dengan keluasan 442 batu persegi atau 113,412. Ianya terbahagi kepada dua kawasan iaitu tanah besar Semporna dan kawasan Pulau Bum-Bum dan pulau-pulau lain di sekitarnya. Pada Asalnya semporna dikenali sebagai “Tong Talun” yang bermaksud “hujung Hutan” dalam istilah suku kaum Bajau. (Regata Lepa, 2006:26)

Semporna merupakan sebuah daerah yang terletak di bahagian Tawau dengan keluasan 442 batu persegi atau 113,412. Ianya terbahagi kepada dua kawasan iaitu tanah besar Semporna dan kawasan Pulau Bum-Bum dan pulau-pulau lain di sekitarnya. Pada Asalnya semporna dikenali sebagai “Tong Talun” yang bermaksud “hujung Hutan” dalam istilah suku kaum Bajau. (Regata Lepa, 2006:26)



“Tong Talun” adalah nama yang telah diberikan oleh tiga orang pembesar Bajau Kubang, iaitu Panglima Uddang, Panglima Sallehangni, dan Panglima Sakti. Hal ini disebabkan semporna pada ketika itu ditumbuh dengan hutan belantara. Sebelum di tabdir oleh British North Borneo Chartered Company (BNBCC) pada tahun 1881, Semporna merupakan sebahagian daripada jajahan takluk Kesultanan Sulu yang diletakkan dalam wilayah pentadbiran Magindanao setelah berjaya membantu Kesultanan Brunei menumpaskan musuhnya di Pulau Chermin.

Ismail Ali dalam kajiannya menyatakan bahawa selepas tahun 1881, Semporna dan lain-lain wilayah Kesultanan Sulu di Borneo Utara telah diserahkan kepada BNBCC “untuk selamanya dan berkekalan”, dan nama “Tong Talun” telah ditukar kepada “Semporna” yang membawa maksud “tempat yang aman dan damai”, iaitu selepas British berjaya menumpaskan penentangan kaum Bajau Omadal pada pertengahan 1880-an dan dibuka secara rasminya pada 10 Mei 1887 oleh Gabenor Crocker.

1.8.5 Motif

Muhammad Afandi Yahya, (1995) menjelaskan bahawa motif merupakan suatu perhiasan yang diukir dalam bentuk dua atau tiga dimensi:





Motif dalam seni ukir dimaksudkan sebagai suatu perhiasan yang diukir dalam bentuk dua dimensi atau tiga dimensi, kemudian disusun dan digubah menjadikan pola atau corak hias yang tertentu. Corak hias ini pula sering mengandungi makna falsafah yang tertentu. Pengukir tradisional tidak sekadar menghasilkan ciptaan yang indah dan cantik sahaja, tetapi mereka juga harus bertanggungjawab, berkemampuan serta berkewibawaan melahirkan karya seni yang bermotif dan mengandungi erti serta falsafah yang boleh diterima oleh pendukung kebudayaan. (Muhammad Afandi Yahya, 1995:108)

Motif dalam seni ukir Melayu tradisi dapat dikategorikan kepada beberapa jenis dan imej. Jenis pertama ialah jenis geomatrik yang mempunyai imej garis-garis lurus, bulatan-bulatan atau segi-segi terukur. Kedua jenis yang mempunyai imej tumbuh-tumbuhan (flora). Ketiga jenis imej haiwan (fauna) keempat jenis imej alam (kosmos) seperti awan, ombak, gunung, cakerawala dan sebagainya, dan yang kelima ialah jenis yang imej huruf seperti kaligrafi atau seni khat (Muhammad Afandi Yahya, 1995:108)



Bagi masyarakat awal Sabah pula, penghasilan motif-motif dalam kerja tangan juga tidak lari daripada pengaruh kosmos masyarakat berkenaan. Kosmos dalam konteks ini merupakan gabungan idea yang teratur atau sistem pemikiran yang tersusun yang disebut sebagai ‘pandangan terhadap dunia’ serta hubungan dengan persekitaran. (Sintiong Gelet,2005: 29).

Motif yang menjadi penelitian pengkajian ini ialah dekorasi dan ragam hias motif yang terdapat pada bahagian badan lepa. Paparan motif-motif ini adalah hasil idea para pengukir dan pembuat lepa tradisional masyarakat Bajau hasil adaptasi dengan alam persekitaran yang telah diperturunkan dari zaman berzaman yang menjadi warisan budaya masyarakat Bajau Semporna.





1.8.6 Estetika

Definisi perkataan estetika mengikut Zakaria Ali(1989) estetika yang membawa erti bidang falsafah yang mengkaji atau menyelidik tentang keindahan. oleh itu, ilmu estetika bergantung pada dua faktor pertama: bahasa; kedua: objek seni. (Zakaria Ali, 1989: 200).

Istilah estetik asalnya diambil daripada bahasa Inggeris *aesthetics* yang telah diadaptasi daripada perkataan Greek *aesthenesai*, yang membawa maksud untuk mengamati. Syed Ahmad Jamal (1992) telah mendefinisikan estetika sebagai sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan, bukan bukannya menekankan aspek



Crawford, D.W dalam Md Nasir Ibrahim, (2006), pula menjelaskan maksud estetik sebagai “sains tentang keindahan”, ia adalah suatu refleksi berbentuk falsafah tentang sifat-sifat keindahan (Crawford, D.W dalam Md Nasir Ibrahim, 2006:36)

Kita juga sering kali mendengar orang mengatakan estetik adalah keindahan, sesuatu yang berkaitan dengan kecantikan, hal ini sememangnya tidak dapat dielakkan kerana Baumgarten dalam bukunya *Aesthetica* banyak memperkatakan teori seni dan keindahan. Oleh sebab itu, kadang-kadang terdapat individu yang mengistilahkan estetik sebagai “keindahan”.



Estetika yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini ialah estetika yang melibatkan konsep keindahan yang dipopularkan oleh JJ Winckelmann tentang keindahan seni yang merupakan satu konsep yang menggabungkan pemerhatian dan objek, sesuatu yang memuatkan dan sesuatu yang dimuatkan. Keindahan adalah berkaitan dengan pelajaran dan keindahan juga adalah tujuan seni yang paling utama, sedangkan ‘yang indah’ pula melibatkan semua sesuatu yang difikirkan, direka bentuk dan diusahakan. (Zakaria Ali,2012: 28).

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini akan terbatas pada lepa masyarakat Bajau Semporna Sabah sahaja. Tempat kajian akan melibatkan beberapa buah kampung yang telah dikenal pasti iaitu kampung Kabimbangan, Kampung Nusalalung di Pulau Bum-Bum dan Kampung Tanggulangan di Pulau Besar Semporna

Kawasan kajian ini dipilih kerana berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan, hanya tiga buah kampung ini sahaja yang merupakan tempat penghasilan lepa-lepa di Semporna Sabah. Hanya tiga kampung ini sahaja yang bertahan dalam pembuatan lepa dan memiliki tokoh pengukir yang masih bergiat aktif dalam pembuatan lepa di sekitar Semporna.



Kajian ini akan melibatkan pengukir-pengukir lepa, pembuat lepa, masyarakat setempat dan juga mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan seni lepa masyarakat Bajau Semporna.

1.10 Kerangka Teori

Penyelidik akan menggunakan pendekatan interdisiplin dalam menjawab permasalahan kajian. pendekatan interdisiplin membolehkan pengkajian dilakukan dengan menggunakan pelbagai teori, pendekatan, kaedah dan teknik yang difikirkan sesuai untuk membina suatu hubung kait atau rumusan secara deskriptif bagi mengungkapkan persoalan serta permasalahan kajian.



Kenyataan ini disokong oleh Tjejep dalam Zuhaida Hussain 2007 “kajian terhadap dunia seni rupa membutuhkan pendekatan dari pelbagai disiplin yang saling berkaitan, sebab dunia seni secara hakiki memperlihatkan kandungan persepsi yang luas dan kompleksitas masalahnya. Sebagai suatu kebutuhan hidup, kini seni rupa telah merambah ke pelbagai bidang kehidupan dan menjadi suatu kebutuhan yang sama pentingnya dengan kebutuhan lainnya. Penelitian terhadap karya seni rupa dan aspek yang berkaitan dengannya memerlukan pendekatan ilmiah secara metodologis dengan kajian interdisiplin”

1.10.1 Teori Estetika

Dharsono Sony Kartika dan Nanang Ganda Prawira, dalam Nor Hasilah (2009) menyatakan bahawa teori estetika boleh dirumuskan kepada beberapa cabang falsafah



yang berkait rapat dengan teori keindahan (theory of beauty). Sekiranya keindahan dimaksudkan sebagai petunjuk kepada manusia untuk mengenali, maka teori keindahan akan menjelaskan bagaimana memahaminya. Dalam teori ini ia menyatakan bahawa keindahan atau ciri-ciri yang menghasilkan sesuatu keindahan itu merupakan suatu kualiti yang telah sedia ada pada sesebuah objek yang indah yang terlepas pandang daripada pengamatannya. Pengamatan seseorang terhadap estetika hanya bersandarkan kepada sifat-sifat keindahan yang jelas diperhatikan secara fizikal pada sesuatu benda dan ia sama sekali tidak terpengaruh untuk mengubahnya. Namun persoalan yang timbul daripada teori ini ialah ciri-ciri khusus yang manakah yang dapat menjadi sesuatu benda itu indah atau dianggap memiliki nilai estetik. (Dharsono Sony Kartika dan Nanang Ganda Prawira, dalam Nor Hasilah 2009).

Md Nasir Ibrahim (2006) menyatakan bahawa, seorang ahli falsafah German iaitu Alexander Baumgarten telah menggunakan istilah estetik (*aesthetics*) pertama kalinya dalam tahun 1744. Meskipun demikian, istilah estetik ini sebenarnya telah wujud sejak zaman klasik lagi. Ralph Smith dalam Md Nasir Ibrahim menyatakan bahawa Kant merupakan orang yang memberi bentuk dan status kepada estetik melalui kenyataan beliau dalam *Critique of Judgment*. Manakala Hegel pula membantu yang dari segi kandungannya. (Md Nasir Ibrahim, 2006:37)

Walau bagaimanapun, kini istilah estetik dilihat dari sudut yang lebih luas lagi dan tidak hanya menjurus kepada konsep keindahan sahaja walaupun masih lagi terdapat usaha-usaha untuk mendalami konsep keindahan itu. Dobbs, dalam Md Nasir Ibrahim, (2006:36) merujuk istilah estetik sebagai



“sejenis pengalaman, penemuan dan penerokaan yang aktif”. Sebagai disiplin falsafah, estetik adalah suatu usaha untuk memahami pengalaman yang kita lalui dan konsep yang kita sering gunakan apabila memperkatakan sesuatu objek yang kita rasakan menarik pada penglihatan kita bukan kerana tujuan lain tetapi kerana apa yang ada pada objek itu sendiri. (Md Nasir Ibrahim 2006:37)

Ibnu Khaldun dalam Md Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan, pula menyatakan bahawa seni itu adalah satu kebenaran, keindahan dan kebaikan. Di dalam seni terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logika. Estetika juga mengandungi unsur-unsur kecantikan, baik dari segi susunan, menarik dari sudut komposisi serta indah apabila sesuatu karya itu dihasilkan. (Md Nasir Ibrahim, dan Iberahim Hassan, 2003:117)

Konsep keindahan itu yang di jelaskan oleh Md Nasir Ibrahim, dan Iberahim Hassan, (2003) merujuk kepada rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan, yang baik dan dihargai. Rasa yang menggembirakan akan wujud apabila kita diketemukan dengan objek-objek yang indah, ia yang selalunya dikatakan mempunyai “seni” malahan dalam konteks kebudayaan, bidang yang berfungsi memenuhi kepuasan estetik manusia adalah bidang kesenian. Terdapat tiga aspek dalam teori estetika yang telah dinyatakan oleh Md Nasir Ibrahim, dan Iberahim Hassan, (2003) iaitu formalistik yang berkaitan dengan asas seni reka, aspek ekspresi berkaitan dengan luahan perasaan dan aspek psikologi berkaitan dengan psikologi manusia dan psikologi seni. Apabila dilihat ketiga-tiga aspek ini, ia menerangkan keindahan yang berunsur mistik, emosional dan intelektual (Md Nasir Ibrahim, dan Iberahim Hassan, 2003:120)

Kebolehan mengesan keindahan JJ Winckelmann dalam seni ialah satu konsep yang menggabungkan pemerhatian dan objek, sesuatu yang memuatkan, dan sesuatu yang dimuatkan. Akan ku tumpukan di sini, khasnya ke atas pemerhatian





dan mengatakan bahawa ‘yang indah’ itu lebih komprehensif daripada keindahan. Keindahan ialah berkenaan dengan pelajaran dan keindahan adalah tujuan seni yang terutama, sedangkan ‘yang indah’ pula melibatkan semua sesuatu yang difikirkan, direka bentukkan dan diusahakan (Zakaria Ali, 2012)


Menurut Mohd Johari Ab. Hamid dalam buku yang bertajuk Apresiasi dan Kritikan Seni, kefahaman kita terhadap konsep keindahan atau pengertian estetika ialah sesuatu yang hendak kita nikmati secara langsung melalui apresiasi seni. Terdapat dua pendekatan dalam estetika yang digunakan dalam apresiasi seni. Pendekatan yang pertama ialah keinginan untuk meneliti keindahan yang terdapat pada objek atau bentuk yang terdapat pada karya seni. Kedua ialah perasaan yang terbit hasil daripada rasa pengalaman keindahan (estetika) yang dialami melalui apresiasi seni. (Mohd Johari Ab Hamid, 2008)



JJ Winckelmann dalam Zakaria Ali (2012) pula menyatakan bahawa terdapat tiga pengajaran yang perlu ada dalam pelajaran tentang keindahan dalam seni iaitu:

Seseorang itu patut ingat tentang fikiran-fikiran yang istimewa dan asli dalam karya-karya seni yang ada kalanya berdiri sendiri seperti mutiara yang mahal dalam satu tali dengan yang kurang bermutu dan boleh hilang terus. Pertimbangan kita patut bermula daripada kesan-kesan intelek sebagai bahagian keindahan yang paling penting dan daripada situ terus kepada olahannya. Peringatan kedua ialah penelitian alam semula jadi. Seni sebagai satu tiruan alam semula jadi sepatutnya mengacu kepada apa yang semula jadi sepanjang masa dalam mencipta keindahan. Peringatan yang ketiga ialah pengolahan. Oleh sebab pengolahan itu tidak boleh menjadi tujuan yang pertama dan yang paling penting, maka seseorang sepatutnya jangan mengendahkan kepuraan yang ada dalam olah buruk-buruk yang menarik.





Rajah.1.1 Teori Keindahan oleh JJ Winckelmann

Bagi mengkaji estetika Melayu pula, terdapat enam prinsip yang perlu beri diperhatikan dalam mengkaji seni di alam Melayu. Prinsip tersebut, boleh dijadikan landasan untuk menyelesaikan prinsip ukiran dalam masyarakat Melayu. Prinsip-prinsip tersebut dijelaskan oleh Zakaria Ali dalam buku yang bertajuk seni dan seniman. Prinsip-prinsip tersebut ialah

Makna Halus : Inilah soal yang paling mustahak di dalam daya kreatif orang Melayu. Bukan soal remeh-temeh yang sebenarnya suatu non-question : pemisahan antara kraf atau kemahiran dengan seni. Sejarah seni Melayu telah berkurun-kurun menegaskan bahawa tanpa kemahiran tidak mungkin terciptanya objek seni yang halus.

Makna Berguna : Objek seni dibuat sebagai alat yang berguna untuk tujuan lain. Sebagai objek yang berguna, ia bukan dibuat khususnya untuk ditatap sahaja atau dipandang semata seperti sebuah catan yang digantung di dinding untuk dinikmati oleh



pemerhati. Ukiran atau tingkap atau tangga adalah untuk rumah. Keris pula adalah senjata, lambang dan tangkal.

Makna Bersatu : Dari sekuntum hingga ke sekuntum serumpun mawar, dari sehelai hingga ke pohon daun, dari sebiji hingga ke setangkai buah, dari sedaun tingkap hingga ke sebuah istana, dari hulu hingga ke sarung keris, dari huruf alif hingga ke huruf ya, rasa yang dipercikkan ialah bersatu. Ada mula dan akhirnya. Untuk mendapatkan keselesaan dengan binaan sekitar, suatu integrasi antara alam dalaman dan alam luaran ciptaan. Dicipta juga satu kepadanan antara lambang dengan makna. Adanya perkongsian nasib antara isi dengan kulit.



Makna Berlawan : Adanya pertentangan yang terkawal antara dua atau lebih jenis permukaan: licin, kusut, lekuk, alun, ombak, junam. Saingan digalakkan antara dua jenis permukaan yang berbeza yang sengaja diletakkan sebelah menyebelah. Tujuannya bukan untuk mendapatkan kesan janggal tetapi semata-mata untuk mewujudkan suasana yang tegang.

Makna Berlambang : Keris merupakan satu-satunya ciptaan yang membawa segala unsur perlambangan yang diperlukan demi mengukuhkan maruah bangsa. Kalaupun nilainya sebagai senjata sudah agak berkurangan namun nilainya sebagai kambang tidak terhingga. Kerana matanya yang dua itu, keris boleh sekali gus menjadi kawan dan lawan. Ia indah tetapi berbahaya.





Makna Bermakna : Prinsip ini mendasari pengukir kayu, pembuatan keris dan pembentukan huruf-huruf. Bukan mudah mengenal pasti jenis-jenis tumbuhan yang diukir. Orang yang tahu pun perlu mengulangi apa yang dia tahu. Sekali pandang, hasil ukiran atau tulisan, nampak senang tetapi mengenalnya, susah. Sesuatu makna akan pupus kalau tidak dihafal dan diajari oleh satu keturunan ke keturunan yang selanjutnya.

1.10.2 Teori Interaksional Simbolik

Dalam wacana dunia kesenirupaan dan budaya benda, pembicaraan estetika yang penting adalah mengupas simbolisme. Hal itu kerana manusia bukan sahaja sebagai makhluk pembuat alat, melainkan juga sebagai makhluk pembuat simbol melalui bahasa-bahasa visual.(Agus Sachari;2002)



Simbol juga menjadi satu pegangan yang akan digunakan dalam kajian ini. Menurut Parsons dalam Agus Sachari (2002) simbol-simbol dalam kesenian adalah merupakan simbol ekspresif yang sangat berkaitan rapat dengan perasaan atau emosi manusia yang sentiasa berinteraksi dalam kegiatan atau komunikasi seni yang mana ia di lihat sebagai simbol, atau kategori tempat yang dibuat oleh manusia secara sengaja, yang di dalamnya terkandung simbol bebas (*arbitrary symbol*) atau simbol ikonik (*iconic symbol*).


Cassirer dalam Agus Sachari juga berpendapat bahawa:

dengan adanya simbol, manusia dapat menciptakan suatu dunia cultural yang di dalamnya terdapat bahasa, mitos, agama, kesenian, dan ilmu pengetahuan. Manusia tidak dapat diartikan sebagai substansi, tetapi harus dimengerti melalui gagasan-gagasananya yang amat fungsional. Bagi Cassirer keindahan tergolong



gejala manusia yang sangat jelas penampakkannya, untuk menjelaskan sifat dan kudratnya tidak diperlukan teori-teori metafisika yang kompleks dan rumit. Keindahan ialah bagian dan wilayah manusia. Namun demikian, dalam pemikiran filsafat, gejala keindahan juga merupakan salah satu paradoks terbesar. (Agus Sachari; 2002:15).


Gabungan kesemua teori yang dinyatakan di atas, akan digunakan untuk menyelesaikan dan menjawab persoalan yang mendasari kajian ini. Penjelasan berkenaan ukiran lepa Masyarakat Bajau Semporna kajian terhadap motif dan fungsinya akan terjawab melalui pendekatan yang digunakan. Kerangka konsep kajian ini disusun seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 1.2 Teori Interaksionisme Simbolik Cassirer

Gabungan kesemua teori yang dinyatakan di atas, akan digunakan untuk menyelesaikan dan menjawab persoalan yang mendasari kajian ini. Penjelasan berkenaan ukiran lepa Masyarakat Bajau Semporna kajian terhadap motif dan fungsinya akan

terjawab melalui pendekatan yang digunakan. Kerangka konsep kajian ini disusun seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 1.3 Model Kerangka Kajian Ukiran Lepa Masyarakat Bajau Semporna: Kajian Terhadap Motif dan fungsi.

1.11 Kesimpulan

Pengkajian terhadap seni ukir lepa masyarakat Bajau Semporna akan meneliti tentang motif dan makna yang terdapat pada ukiran yang telah dihasilkan oleh para pengukir lepa. Lepa yang dihasilkan oleh masyarakat Bajau Semporna telah diangkat martabatnya apabila ia dijadikan sebagai salah satu daripada festival wajib dalam kalender



pelancongan negeri Sabah khususnya daerah Semporna pada setiap bulan April akan diadakan Regatta Lepa yang akan memperlihatkan keindahan lepa-lepa cantik kepada masyarakat umum. Ia juga merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan kelangsungan seni ukiran lepa ini.

Namun, ia masih juga kurang mendedahkan masyarakat umum tentang seni ukiran lepa ini memandangkan terlalu sedikit pengkajian tentang seni ukiran lepa ini dilakukan. Bahkan kekurangan bahan rujukan berkaitan dengan seni ukiran lepa juga agak membimbangkan kerana ia tidak mampu untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang kewujudan seni ini terutamanya kepada generasi muda. Oleh sebab itu, pengkajian ini dilakukan adalah bermatlamat untuk menjadi sumber rujukan kepada masyarakat umum berkenaan dengan seni ukir lepa kepada masyarakat umum khususnya kepada generasi muda.

Seni ukiran lepa ini sepatutnya diketengahkan kepada masyarakat umum kerana ia merupakan seni warisan negara kita yang perlu dipertahankan. Pengkajian terhadap motif dan makna lepa akan memberi pengetahuan baharu kepada masyarakat tentang dunia seni ukir masyarakat Bajau yang banyak berkait rapat dengan kehidupan mereka sebagai pelau.

